

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat,
25 Jun 2021**



KENYATAAN MEDIA

BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN, APRIL 2021

Jangkaan prestasi ekonomi yang menggalakkan sekiranya pandemik mereda

PUTRAJAYA, 25 JUN 2021– Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI APRIL 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata pada April 2021, IP Malaysia kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit pada 15.7 peratus untuk merekodkan indeks 111.8 mata selepas melonjak pada 17.2 peratus pada bulan sebelumnya (Mac 2021: 113.2 mata). Peningkatan ini disokong oleh sumbangan positif kesemua komponen IP dan dipengaruhi terutamanya oleh kesan asas yang rendah daripada tahun sebelumnya (April 2020: 96.6 mata). Manakala, IP menurun sebanyak 1.2 peratus bagi prestasi bulan ke bulan.

Kadar pertumbuhan IP terlicin yang digunakan untuk meramalkan arah pergerakan ekonomi dalam masa terdekat kekal positif (Papararan 1). IP menjangkakan prestasi ekonomi yang menggalakkan sekiranya pandemik mereda. Prospek jangka pendek ini sejajar dengan pengukuhan permintaan global di mana beberapa negara telah melonggarkan ekonomi mereka selain kejayaan imuniti kelompok dan pelaksanaan

Pelan Pemulihan Nasional yang berkesan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Selanjutnya, beliau menyatakan bahawa Indeks Serentak (IS) meningkat sebanyak 0.8 peratus untuk mencapai 115.4 mata pada April 2021 daripada 114.5 mata pada bulan sebelumnya disokong oleh peningkatan yang signifikan dalam Kapasiti Penggunaan di sektor Pembuatan (0.9%) dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (0.6%). Begitu juga, prestasi IS yang mencerminkan keadaan ekonomi semasa melonjak kepada pertumbuhan tahunan sebanyak 20.3 peratus pada bulan rujukan daripada 4.1 peratus pada Mac 2021.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 JUN 2021

LAMPIRAN 1

Paparan 1:

Kadar Pertumbuhan bagi Indeks Pelopor (Terlicin) dan Kitaran Perniagaan



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday,
25th June 2021**



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,
APRIL 2021**

Anticipating favourable economic performance if pandemic eases

PUTRAJAYA, 25 JUNE 2021- Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR APRIL 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said that in April 2021, Malaysia's LI remained to register a double-digit growth at 15.7 per cent to record an index of 111.8 points after a surge of 17.2 per cent in the previous month (March 2021: 113.2 points). The improvement was supported by positive contributions of all LI components and influenced primarily by the low base effect from the previous year (April 2020: 96.6 points). Meanwhile, the LI decreased by 1.2 per cent for month-on-month performance.

The growth rate of smoothed LI which is used to predict the direction of economic movements in the near future remained positive (Exhibit 1). The LI anticipates favourable economic performance if pandemic eases. The short-term outlook is in line with the strengthening of global demand in which some countries have relaxed their economy besides the success of herd immunity and effective roll out of National Recovery Plan to accelerate the country's economic recovery.

Further to this, he said that the Coincident Index (CI) augmented by 0.8 per cent to reach 115.4 points in April 2021 from 114.5 points in the previous month supported by significant increases in Capacity Utilisation in Manufacturing sector (0.9%) and Volume Index of Retail Trade (0.6%). Similarly, the performance of CI which reflects the current state of the economy jumped to an annual growth of 20.3 per cent in the reference month from 4.1 per cent in March 2021.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 JUNE 2021

Exhibit 1:

Growth Rate of Leading Index (Smoothed) and Business Cycle

